



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH**  
**IRSYAD AL-FATWA**

**(SIRI 6/2021) PROSIDING KES MAL MAHKAMAH SYARIAH  
MELALUI TEKNOLOGI JARAK JAUH**

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 18 Ogos 2021 telah meneliti keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 pada 26 Julai 2021 dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut:

1. Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah melalui teknologi jarak jauh (*online*) bagi kes Mal seperti kes-kes perceraian, tuntutan nafkah, tuntutan hak penjagaan anak dan sebagainya adalah **harus dilaksanakan dalam situasi darurat atau situasi-situasi tertentu sahaja**.
2. Jawatankuasa Fatwa turut mengkhususkan hanya hakim yang layak sahaja untuk mengendalikan perbicaraan Kes Mal dalam bidang kuasa yang termaktub dalam "ولاية القضاء", Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008.
3. Hal ini disebabkan pihak Kerajaan bertanggungjawab untuk menghilangkan kemudharatan yang dihadapi oleh masyarakat Islam berdasarkan kaedah fiqhiyah iaitu "الضرورات تبيح المحظورات" dan kebolehcapaian (*akses*) kepada sistem keadilan, lebih-lebih lagi dalam suasana negara berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

4. Justeru, Jawatankuasa Fatwa menasihati semua pihak yang terlibat dalam mengendalikan perbicaraan kes secara atas talian supaya dapat memelihara kerahsiaan pihak yang menuntut (*plaintif*) dan pihak yang menentang (*dependan*).

**TARIKH KEPUTUSAN : 18 OGOS 2021**